

'PM tentu ada maklumat risikan tersendiri'

Malaysiakini

06 Januari 2020

A Kadir Jasin

ULASAN 1 Menteri dilantik, menteri dipecat dan menteri letak jawatan, sepatutnya semua itu perkara biasa tetapi di Malaysia perkara biasa boleh jadi aneh dan sensasi.

Lantik menteri adalah hak perdana menteri. Nasihat supaya menteri letak jawatan pun hak beliau. Kalau menteri enggan, perdana menteri boleh pecat. Menteri pula ada hak letak jawatan secara sukarela.

Lain halnya dengan kakitangan awam yang berjawatan tetap, mereka tidak boleh diberhentikan sesuka hati sampailah mereka bersara. Kalau hendak diberhentikan atau dipecat pun perlu alasan yang kuat dan proses yang rapi.

Menteri bukan jawatan tetap, ia jawatan politik. Menteri boleh diberhentikan oleh perdana menteri pada bila-bila masa.

Perdana menteri tidak pun perlu bagi alasan. Kalau diminta pun perdana menteri tidak tertakluk memberikannya apatah lagi kalau kesannya mengeruhkan lagi keadaan atau mengaibkan seseorang.

Menteri boleh meletakkan jawatan pada bila-bila masa dengan tidak perlu bagi notis dan berhenti serta-merta.

Di negara maju atau negara yang politiknya tidak stabil, bukan sahaja menteri yang dipecat atau letak jawatan, perdana menteri pun sering meletakkan jawatan.

Ada perdana menteri atau presiden yang letak jawatan kerana hilang sokongan parti sendiri, kalah dalam undi di parlimen atau melalui proses perbicaraan (impeachment) macam yang sedang berlaku ke atas Presiden Amerika, Donald Trump.

Sepanjang mengenai perletakan jawatan Menteri Pendidikan, Maszlee Malik, pada 3 Januari lepas, tidaklah ada apa-apa yang istimewa. Maszlee dinasihatkan letak jawatan. Dia akur. Maka dia pun telak jawatan.

Selalunya Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad, tidak pecat atau gugurkan

menteri. Sebaliknya beliau beri peluang kepada mereka meletakkan jawatan secara sukarela. Kalau enggan barulah dipecat.

Lazimnya tindakan beliau menasihatkan seseorang menteri meletakkan jawatan bukan berdasarkan kepada prestasi semata-mata. Beliau ada sebab lain atau alasan tambahan. Maklumlah beliau mempunyai sumber maklumat dan risikan yang banyak.

Keistimewaan demokrasi

Berbalik kepada cerita mengenai sistem demokrasi, walaupun ia tidak sempurna tetapi berbanding sistem komunis dan raja berkuasa mutlak ia jauh lebih baik dan terjamin.

Dalam sistem komunis, parti berkuasa mutlak. Parti dan kerajaan adalah sama. Semua urusan politik dan dasar pemerintahan ditentukan oleh biro politik parti. Kongres parti diadakan hanya sekali setahun dengan perwakilan lantik oleh parti.

Sistem komunis mula runtuh pada tahun 1989 dengan berakhirnya Kesatuan Soviet. Hari ini, hanya tinggal China, Vietnam, Laos dan Cuba yang masih

mengamalkan sistem komunis.

Demikian juga dengan sistem raja berkuasa mutlak. Segala kuasa dan kekayaan negara di tangan raja atau keluarga mereka. Rakyat tidak ada kuasa dalam pemerintahan dan penentuan dasar.

Seperti komunisme, sistem raja berkuasa mutlak juga semakin tidak berpengaruh. Hari ini, tinggal tidak sampai 10 buah negara seperti itu, iaitu Arab Saudi, Oman, Brunei, Eswatini (Swaziland), negara-negara dalam Emiriah Arab Bersatu (UAE) dan Vatican.

Sistem beraja yang serasi dengan demokrasi dan mungkin kekal jika diamalkan dengan betul ialah Sistem Raja Berperlembagaan seperti yang kita amalkan.

Sistem Raja Berperlembagaan kita adalah antara dua yang paling unik di dunia di mana raja tertinggi iaitu Yang di-Pertuan Agong dilantik melalui pengundian oleh Raja-raja Melayu. Sebuah lagi adalah Kemboja.

Ada 23 buah negara Raja Berperlembagaan di mana raja mempunyai kuasa dan peranan berbeza – daripada yang menjalankan tugas adat istiadat semata-mata kepada yang hampir berkuasa mutlak dan tidak boleh disentuh macam di

Thailand.

Negara Raja Berperlembagaan terbaru yang menamatkan institusi raja dan berubah menjadi republik adalah Nepal iaitu pada tahun 2008.

Kejatuhan sistem beraja Nepal bermula pada 2001 apabila Putera Mahkota waktu itu, Dipendra, mengamuk dan membunuh sembilan ahli keluarganya termasuk Raja Birendra dan Permaisuri Aishwarya.

Kesabaran dan taat setia rakyat jelata terhadap Raja berakhir apabila Raja Gyanendra, adik kepada Dipendra, “merampas kuasa” dan memecat kerajaan awam pada 2005 serta mengisytiharkan darurat.

Beliau gagal mematahkan pemberontakan bersenjata komunis menyebabkan rakyat jelata melancarkan mogok. Apabila Gyanendra menyerahkan balik kuasa kepada Parlimen ia sudah terlambat untuk menyelamatkan institusi raja.

Maka pada 28 Mei 2008, Nepal diisytiharkan menjadi republik. Dengan itu berakhirilah sistem raja berperlembagaan di negara Himalaya itu.

Jadi kita janganlah mensensasikan perletakan jawatan seorang menteri kerana dalam sistem demokrasi, kepentingan negara dan rakyat jelata mengatasi

kepentingan mana-mana individu.

Demokrasi Berparlimen dan Raja Berperlembagaan memberikan kita kuasa dan cara menukar ganti pemimpin dengan berhemah dan bertamadun.

Copyright © 1999-2012 Mkini Dotcom Sdn. Bhd

Source: <https://www.malaysiakini.com/news/506040>